



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN POLISI

KAJIAN TARAF SOSIO-EKONOMI PENDUDUK DJ LADANG KELAPA SAWIT SALCRA TAE, SERIAN

Oleh

SUKHAMIZAA SUKARMAN (99515166)
ANGELA TELASAI (99546320)
AINIE AK LUKAS (99546418)
HELENA HAZEL JOSEPH (99514655)

Kertas Projek ini dikemukakan kepada Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi Universiti Teknologi Mara, Samarahan, Sarawak untuk memenuhi sebahagian syarat-syarat penganugerahan Diploma Pentadbiran Awam

Oktober 2004

ABSTRAK

KAJIAN TARAF SOSIO-EKONOMI PENDUDUK DI LADANG KELAPA SAWIT SALCRA TAE, SERIAN

Kajian ini dibuat untuk menilai kesan pelaksanaan projek kelapa sawit SALCRA Taae terhadap taraf sosio-ekonomi penduduk setempat. Seramai 60 orang penduduk skim telah ditemuramah yang majoriti adalah berbangsa Bidayah. Lebih separuh adalah lelaki serta ramai antara responden berumur 25 tahun ke atas dan mereka menyumbang lebih 60% tenaga kerja skim. Mereka mempunyai keluarga yang agak besar di antara 4 hingga 6 orang. Ramai di antara mereka menyokong projek SALCRA dan ada sebilangan kecil yang tidak menyertai projek dengan sebab mereka berpendapat yang pendapatannya tidak lumayan atau mereka tidak memiliki tanah. Walaupun begitu, majoriti mempunyai persepsi yang baik terhadap projek SALCRA. Mereka beranggapan yang projek ini boleh meningkatkan taraf hidup mereka. Pendapatan bulanan individu serta keluarga juga bertambah yang mana ditunjukkan oleh kemampuan penduduk untuk menambah aset dan alatan rumah. Selain dari itu, kebanyakan penduduk kawasan projek berharap agar SALCRA akan bertambah maju dan seterusnya boleh menjamin pendapatan yang tetap untuk mereka. Para penduduk juga berharap agar kerajaan akan memberi geran tanah untuk tanah yang mereka serahkan kepada SALCRA untuk projek kelapa sawit ini. Bagi menentukan kejayaan projek ini berterusan, pihak SALCRA haruslah juga menjalin hubungan yang baik

KANDUNGAN	MUKASURAT
PENGHARGAAN	i
SURAT PENYERAHAN TUGASAN	ii-iii
ABSTRAK	iv-v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI LAMBANG DAN TATANAMA	ix
SENARAI JADUAL	x-xi
BAB 1 PENGENALAN	1 - 3
1.1 Penyataan Masalah	4
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Kepentingan Kajian	6
1.4 Skop Kajian	7
1.5 Hipotesis Kajian	8
1.6 Had/Batasan Kajian	9 - 10
1.7 Andaian	11
BAB 2 ULASAN KARYA	
2.0 Taraf Sosio-Ekonomi.....	12
2.1 Rancangan Pembangunan Tanah.....	12 - 14
2.2 Konsep Pembangunan SALCRA	14 - 18
2.3 Fungsi Utama SALCRA	18 - 19
2.4 Latar Belakang Projek SALCRA daerah Serian...	19 - 21
BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	
3.0 Pengenalan.....	22
3.1 Rekabentuk Kajian.....	22

BAB 1

PENGENALAN

Malaysia telah menuju ke zaman perindustrian selaras dengan wawasan 2020 yang mahukan Malaysia menjadi sebuah negara maju. Dengan perkembangan yang pesat berlaku di dalam sektor pembuatan, sektor pertanian adalah diharapkan dapat meningkatkan kemajuan ekonomi negara. Guna tenaga dalam sektor pertanian adalah sebanyak 28.4% pada tahun 2003. Sektor pertanian melibatkan ramai penduduk luar bandar yang miskin. Menurut Tadaro (1992), lebih dari 65% penduduk di negara membangun tinggal di kawasan luar bandar. Kumpulan ini bergiat sepenuhnya dalam sektor pertanian dan mengalami kadar kemunduran serta kemiskinan. Kadar kemiskinan di luar bandar adalah secara relatifnya lebih tinggi jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Begitu juga, jika dibandingkan kadar kemiskinan di antara negeri Pantai Timur, Sabah dan Sarawak mempunyai kadar kemiskinan yang lebih tinggi (Unting, 1994).

Di dalam sektor pertanian, kelapa sawit masih mengatasi tanaman lain seperti getah atau koko. Pengeluaran dunia untuk minyak ialah melebihi 10 juta ton dan dari ini, kira-kira 8.75 juta ton adalah dikeluarkan oleh Malaysia dan yang selebihnya adalah dari Indonesia. Industri kelapa sawit memainkan peranan penting di dalam pertumbuhan sektor pertanian di Malaysia dan yang selebihnya dari Indonesia. Industri kelapa sawit telah menyumbangkan kepada pendapatan dari eksport minyak sawit kepada RM19.2 bilion pada tahun 1999 berbanding hanya RM2.9 bilion pada tahun 1980. Pertambahan ini

BAB 2

ULASAN BAHAN BERTULIS

2.0 TARAF SOSIO-EKONOMI

Taraf sosio-ekonomi adalah bagi mengukur sejauhmanakah kehidupan rakyat berubah akibat dari program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Perubahan ini merangkumi semua aspek samada dari segi ekonomi ataupun sosial. Ia adalah seperti yang terdapat di dalam ucapan bekas Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammed di Taman Pertanian Selangor pada 16hb Ogos 1990 iaitu "*sepatutnya di negara kita tidak ada kemiskinan sama sekali kerana kita hidup dalam sebuah negara yang aman dan subur yang mempunyai segala kemudahan. Kita hanya akan menjadi orang yang miskin kalau kita tidak mahu menggunakan segala bekalan, kemudahan dan nikmat yang telah diberikan kepada kita*".

Pembangunan ladang kelapa sawit oleh SALCRA dijangkakan akan meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi penduduk di daerah Serian.

2.1 RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH

Program pembangunan tanah telah mula diperkenalkan semenjak tahun 1957, oleh beberapa agensi di Malaysia untuk memajukan tanah bagi tujuan-tujuan pertanian. Penubuhan beberapa agensi tertentu bagi menjalankan